

21 NOV 2001

Agong-Kebumi

PENGHORMATAN TERAKHIR JENAZAH YANG DI-PERTUAN AGONG DI ISTANA NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Upacara memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Yang di-Pertuan Agong ke-11, akan berlangsung di Istana Negara pagi esok sebelum dimakamkan di Makam Diraja Kelang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata rakyat boleh memberikan penghormatan terakhir kepada jenazah Seri Paduka sehingga pukul 12 tengah hari.

Jenazah almarhum, yang kini ditempatkan di Istana Selangor sebelum dimandikan dan dikafankan, akan disembahyangkan di Masjid Negara pagi esok, kata beliau pada sidang media selepas mengumumkan kemangkatan Sultan Salahuddin secara langsung menerusi RTM.

Sementara itu, jenazah Seri Paduka dibawa dari Pusat Rawatan Gleneagles Intan di Jalan Ampang ke Istana Selangor di Jalan Sultan Hishamuddin pada 2.05 petang hari ini untuk membolehkan kaum kerabat Seri Paduka memberikan penghormatan terakhir.

Dr Mahathir berkata jenazah Seri Paduka akan dibawa dari Istana Negara ke hadapan bangunan Sultan Abdul Samad berhadapan Dataran Merdeka di Jalan Raja untuk penghormatan terakhir daripada Angkatan Tentera sebelum dibawa pulang ke Istana Alam Shah di Klang.

Perdana Menteri berkata dari situ, jenazah Seri Paduka akan dibawa dengan kenderaan jenazah diraja ke Istana Alam Shah, Klang bagi penghormatan terakhir untuk rakyat sebelum disemadikan.

Di istana itu, katanya, beliau akan menyerahkan jenazah Seri Paduka kepada Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo dan diikuti dengan upacara pengisytiharan Sultan Selangor yang baru.

Jenazah Seri Paduka kemudian akan ditempatkan di Istana Alam Shah untuk penghormatan terakhir sebelum dikebumikan di Makam Diraja Kelang, katanya.

Dr Mahathir sebelum itu mengumumkan bahawa esok cuti umum bagi membolehkan rakyat memberikan penghormatan terakhir kepada almarhum serta bersama-sama menunaikan solat jenazah Seri Paduka di Masjid Negara dan menyertai majlis tahlil.

Seri Paduka, yang berusia 75 tahun, mangkat pada 11.57 pagi ini di Pusat Rawatan Glenegales Intan setelah gering selama dua bulan kerana masalah jantung.

-- BERNAMA

HK MAM ZS NAK